

Kes pemilih berganda kecil

B.H. 10 DEC 1992

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kes nama dan nombor kad pengenalan pemilih yang berganda, tidak menjejaskan keputusan pilihanraya kerana jumlah kes itu sangat kecil.

Kata Perdana Menteri, keputusan kemenangan atau kekalahan dalam pilihanraya mengikut majoriti yang begitu besar, menyebabkan kes nama atau kad pengenalan pemilih berganda, tidak memberi kesan kepada keputusan berkenaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Parlimen, selepas menjawab dua soalan Ahli Parlimen mengenai kempen pendaftaran pemilih serta kes nama dan nombor kad pengenalan pemilih yang berulang, di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurutnya, pelaksanaan sistem pendaftaran nama pemilih yang terbaik juga tidak dapat mengelakkan kejadian se-

umpama itu kerana ada pemilih yang mendaftar di dua tempat berasingan.

Terdahulu, ketika menjawab soalan Kerk Kim Hock (Dap-Pasir Pinji) dan Ibrahim Mahmood (Pas-Kuala Krai), Dr Mahathir berkata, urusan pendaftaran pemilih yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) berkesan untuk meningkatkan jumlah warganegara yang berdaftar sebagai pemilih, dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, kata beliau, cadangan mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun masih dalam kajian dan penelitian SPR.

"Kemaen untuk urusan pendaftaran pemilih yang dijalankan SPR adalah berkesan. Oleh kerana itulah jumlah warganegara yang berdaftar sebagai pemilih meningkat sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, jumlah pemilih berganda nama dan nombor kad

pengenalan yang terdapat dalam daftar pemilih yang digunakan dalam pilihanraya umum 1990 sebanyak 8,758.

Bagi kes itu, 120 berlaku di Perlis; Kedah (516); Kelantan (382); Terengganu (307); Pulau Pinang (376); Perak (835); Pahang (425); Selangor (1,630); Kuala Lumpur (854); Negeri Sembilan (287); Melaka (247); Johor (1,006); Labuan 951); Sabah (1,570) serta Sarawak (152).

"SPR boleh mengesahkan senarai nama pemilih yang berganda. Bagaimanapun oleh kerana urusan pendaftaran dan penyediaan daftar pemilih dilakukan setiap tahun, pergandaan itu berlaku kerana ada pemilih yang bertukar alamat dan mendaftar sebagai pemilih baru," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengesahan pergandaan pada 1990 tidak sempat dibuat kerana daftar pemilih terpaksa disediakan

serta merta untuk pilihanraya umum dan pergandaan itu sudah diatasi.

Mengenai pemilih yang meninggal dunia, SPR sentiasa menyemak senarai kematian yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara dalam usaha membatalkan nama mereka dari senarai daftar itu.

Menjawab soalan tambahan Wan Hanafiah Mat Saman (BN-Kota Star), Dr Mahathir berkata SPR akan berusaha mengatasi masalah pengundi yang mendaftar di kawasan asal tetapi mengundi di kawasan lain.

Kepada soalan tambahan Wan Mohd Jamin Mahmood (Pas-Turnpat), beliau berkata SPR sedang memikirkan satu sistem daftar pemilihan yang terbaik untuk kemudahan pengundi di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, sistem itu tidak dapat menjamin isu pemilih mengundi di tempat lain.